

# Pengaplikasian Konsep *al-Wilayah* dalam Mendepani Cabaran Media Sosial dalam Kalangan Kanak-kanak

**BITARA**

Volume 7, Issue 4, 2024: 86-100  
© The Author(s) 2024  
e-ISSN: 2600-9080  
<http://www.bitarajournal.com>  
Received: 10 September 2024  
Accepted: 1 October 2024  
Published: 19 October 2024

## [The Application of *al-Wilayah* Concept in Facing Social Media Challenges Among Children]

Nur Asmaa' Nabilah Norhasharudin<sup>1</sup> & Anwar Fakhri Omar<sup>1\*</sup>

1 Pusat Kajian Syariah, Fakulti Pengajian Islam, Universiti Kebangsaan Malaysia, 43600 UKM Bangi, Selangor, MALAYSIA.  
E-mail: anwar.fpi@ukm.edu.my

\*Corresponding Author: anwar.fpi@ukm.edu.my

### Abstrak

Media sosial adalah salah satu medium komunikasi moden yang berkembang di abad-21. Pengguna media sosial semakin bertambah khususnya dalam kalangan kanak-kanak, berikutan fenomena pandemik Covid-19 yang melanda dunia beberapa tahun ke belakang. Oleh itu, keterlibatan kanak-kanak dengan media sosial semakin membimbangkan disebabkan perkara tersebut boleh memberi kesan kepada pemikiran dan sahsiah kanak-kanak, mengganggu perkembangan kanak-kanak dari segi pembelajaran dan kesihatan, serta mendedahkan informasi yang kurang sesuai kepada mereka. Oleh yang demikian, artikel ini bertujuan untuk mengkaji faktor keterlibatan kanak-kanak dengan media sosial, dan pengaplikasian konsep *al-wilāyah* oleh ibu bapa dalam menghadapi cabaran media sosial kepada kanak-kanak dengan menekankan perspektif syarak sebagai penanda aras. Kajian ini berbentuk kualitatif dengan menggunakan kaedah analisis dokumen dan temu bual semi-berstruktur terhadap dua orang pakar dalam bidang undang-undang kekeluargaan Islam. Di samping itu, kajian disusun secara tematik dengan bantuan perisian *Atlas.ti* bagi pembinaan topik dan subtopik yang merangkumi skop kajian. Hasil kajian ini mendapati bahawa ilmu pengetahuan ibu bapa, komunikasi dua hala dengan anak-anak, pemantauan dan literasi media oleh ibu bapa merupakan penyelesaian *al-wilāyah* yang paling sesuai untuk diaplikasikan dalam pengawalan media sosial kanak-kanak. Kajian ini diharapkan dapat memberi satu penambahbaikan kepada institusi kekeluargaan Islam dengan mengutamakan kepentingan *al-wilāyah* dalam mendepani cabaran untuk mendidik generasi seterusnya.

**Kata kunci:** Media sosial, penyelesaian, konsep *al-wilāyah*, kanak-kanak, kekeluargaan Islam.

### Abstract

Social media is one of the modern communication mediums that has grown significantly in the 21st century. The number of social media users has increased, particularly among children, following the global COVID-19 pandemic in recent years. Consequently, children's engagement with social media has become increasingly concerning, as it can affect their thinking and behaviour, disrupt their development in terms of learning and health, and expose them to inappropriate information. Therefore, this article aims to explore the factors driving children's involvement with social media and the application of the concept of *al-wilāyah* by parents in addressing the challenges posed by social media to children, with an emphasis on Islamic perspectives as a benchmark. This study is qualitative in nature, utilizing document analysis and semi-structured interviews with two experts in

the field of Islamic family law. Additionally, the research is organized thematically with the assistance of Atlas.ti software for the construction of topics and subtopics within the scope of the study. The findings reveal that parents' knowledge, two-way communication with children, parental monitoring, and media literacy are the most appropriate *al-wilāyah* solutions to be applied in controlling children's social media usage. This study is expected to provide an enhancement to Islamic family institutions by emphasizing the importance of *al-wilāyah* in addressing the challenges of educating future generations.

**Keywords:** social media, solutions, *al-wilāyah* concept, children, Islamic family.

**Cite This Article:**

Nur Asmaa' Nabilah Norhasharudin & Anwar Fakhri Omar. (2024). Pengaplikasian Konsep al-Wilayah dalam Mendepani Cabaran Media Sosial dalam Kalangan Kanak-kanak [The Application of al-Wilayah Concept in Facing Social Media Challenges Among Children]. *BITARA International Journal of Civilizational Studies and Human Sciences* 7(4): 86-100.

## Pengenalan

Media sosial antara salah satu platform teknologi komunikasi baru yang berkembang pesat di era ini. Platform yang pertama diperkenalkan lewat abad ke-20 antara tahun 1997-1999 ialah Sixdegrees.com dan Classmates.com. Aplikasi ini menyediakan platform untuk memuat naik profil gambar dan menambah kenalan yang menggunakan aplikasi serupa (*mutual user*). Seterusnya, revolusi teknologi komunikasi terus berkembang dengan kemunculan aplikasi khusus yang membolehkan pengguna untuk berkongsi penulisan di blog peribadi di samping menambah pengetahuan terbaru iaitu Blogger. Perkembangan media sosial kemudiannya disusuli oleh aplikasi-aplikasi lain seperti *Instagram*, *Facebook*, *X*, *TikTok* dan *YouTube* (Astari et al. 2018). Jumlah pengguna media sosial meningkat secara drastik apabila berlakunya perintah kawalan pergerakan akibat pandemik Covid-19 pada tahun sebelum ini (Zaleha et al. 2021). Hal ini telah menyebabkan nilai sosial dalam institusi kekeluargaan dan masyarakat semakin tergugat.

Menurut data statistik yang dikumpulkan oleh Simon Kemp (2023) menunjukkan 78.5 peratus rakyat Malaysia memiliki akaun media sosial iaitu seramai 26.8 juta daripada 34.13 juta orang. Tambahnya lagi, pengguna daripada golongan kanak-kanak sahaja sudah mencapai satu pertiga daripada keseluruhan pengguna (Esteban 2019). Data tersebut menunjukkan keterlibatan golongan muda khususnya generasi alpha dalam menggunakan platform media sosial seperti *Instagram*, *TikTok*, *YouTube* dan lain-lain mendapat sambutan yang memberangsangkan. Generasi alpha merujuk kepada penyambung kepada generasi Z yang lahir pada tahun 2010 hingga 2025.

Generasi ini cenderung menggunakan gajet seperti telefon pintar, tablet, laptop dan komputer dalam aktiviti harian mereka seiring dengan suasana teknologi digital yang sedia maju (Thompson 2018). Generasi ini juga lebih terbiasa berkomunikasi di alam maya melalui media sosial tanpa pertemuan fizikal, dan mereka lebih sering berada di rumah berbanding di luar. Lantaran itu, keterlibatan kanak-kanak tanpa pantauan ibu bapa yang betul boleh menyebabkan pelbagai implikasi negatif kepada sahsiah dan pemikiran mereka. Antara pengaruh media sosial terhadap kanak-kanak adalah seperti ketagihan media, gaya hidup yang kurang aktif dan penggunaan gaya bahasa yang kurang sopan. Oleh itu, peranan *al-wilāyah*

sangat penting dalam memastikan cabaran modenisasi dapat ditangani dengan baik oleh kanak-kanak.

Oleh yang demikian, kajian ini bertujuan untuk mengenal pasti faktor keterlibatan kanak-kanak dengan media sosial dan menganalisis konsep *al-wilāyah* oleh ibu bapa dalam mengawal penggunaan media sosial kanak-kanak. Kajian ini turut mengharapkan agar dapat memberikan panduan kepada para ibu bapa dalam pengawalan media sosial kanak-kanak selari dengan prinsip-prinsip kekeluargaan Islam demi mencapai kebaikan di dunia dan akhirat.

## Permasalahan Kajian

Di era modenisasi ini, penggunaan media sosial dianggap satu keperluan utama dalam menjalani kehidupan seharian. Semua lapisan masyarakat termasuklah golongan kanak-kanak dapat menikmati kemudahan teknologi yang mesra pengguna dan berpatutan untuk diakses di pelbagai tempat tanpa sebarang batasan (Isah, Fuad & Nazariah 2017). Tambahan pula, fenomena pandemik Covid-19 yang berlaku sebelum ini meningkatkan lagi kekerapan penggunaan media sosial untuk berinteraksi kerana perintah kawalan pergerakan yang ketat bagi mencegah penyebaran penyakit (Rashid, Faizal & Hamizah 2021). Dalam hal ini, kanak-kanak adalah antara golongan aktif dalam bersosial dan menyesuaikan diri dengan aplikasi media sosial. Hal ini kerana, fungsi aplikasi tersebut dapat membantu mereka memenuhi keperluan pembelajaran dengan idea-idea inovatif dan kreatif yang tersedia di dalamnya.

Namun begitu, penggunaan media sosial tanpa bimbingan ibu bapa yang baik boleh membawa implikasi negatif terhadap perkembangan sahsiah dan pemikiran kanak-kanak (Fadhil & Mardzelah 2021). Penggunaan media sosial yang tidak terkawal boleh menyebabkan ketidakseimbangan fizikal, gangguan kesihatan mental, dan ketidakstabilan emosi. Tambahan pula, kajian yang dilakukan oleh Azianura dan Rahim (2019) dan Jaffar et al. (2019) membuktikan bahawa umur kanak-kanak merupakan tahap yang belum matang dalam membuat pertimbangan. Hal ini kerana, walaupun media sosial membantu mereka dalam bersosial dan mengambil bahagian dalam bersosial, namun perkara tersebut boleh mendatangkan risiko seperti pengamalan gaya hidup hedonisme dan percampuran antara lain jantina (*ikhtilāf*) (Azhar et al. 2023). Selain itu, informasi-informasi yang disebarkan melalui media sosial tanpa pantauan oleh pihak berwajib boleh menyebabkan penyebaran fahaman yang tidak sesuai untuk diamalkan oleh golongan kanak-kanak (Dindin & Moch 2019). Oleh yang demikian, keterlibatan kanak-kanak dalam penggunaan media sosial merupakan satu perkara penting untuk diselesaikan bagi mengelakkan kemudaratan yang berlaku.

Dalam pada itu, kehadiran media sosial telah banyak mengubah cara berkomunikasi dan bersosial ibu bapa dengan anak-anak (Marlina 2018). Segelintir para ibu bapa didapati kurang mengambil perhatian dalam mengawasi dan membimbing anak-anak dengan berkongsi gambar dan maklumat peribadi mereka di media sosial. Hal ini boleh meningkatkan risiko anak-anak menjadi sasaran penjenayah dan pedofilia (Nurjannah & Wafaa' 2023). Para ibu bapa juga didapati kerap memperalatkan gajet untuk mendiamkan anak-anak mereka. Hal ini dapat mengakibatkan implikasi negatif kepada pembentukan sahsiah dan pemikiran kanak-kanak (Norhamizah & Asbah 2019).

Kajian yang dilakukan oleh Zubaidah et al. (2024) mengemukakan bahawa, kebanyakan ibu bapa lebih mengutamakan gaya pendidikan barat dalam pengawalan media sosial kepada kanak-kanak. Hal ini membuktikan bahawa kefahaman ibu bapa terhadap pengaplikasian *al-wilāyah* dalam konteks pengawalan media sosial masih lagi berada di tahap yang rendah dan perlu ditambahbaik. Konklusinya, para ibu bapa perlu menyedari bahawa tanggungjawab dalam menjaga dan mendidik anak-anak menurut hukum agama adalah satu perkara yang wajib diamalkan dalam kehidupan seharian. Hal ini bertujuan untuk menjauhi kanak-kanak daripada kemudaratan dan perkara yang tidak baik (Zarrina et al. 2019; Jaffar et al. 2019). Oleh itu, pengkaji telah mengenal pasti dua pernyataan masalah yang utama iaitu:

1. Keterlibatan kanak-kanak dengan media sosial dan pendedahan implikasi negatif media sosial terhadap mereka.
2. Kefahaman ibu bapa yang rendah terhadap konsep *al-wilāyah* dalam mengawal penggunaan media sosial.

## Metodologi Kajian

Kajian ini menggunakan reka bentuk kualitatif dengan menjalankan proses analisis dokumen dan kaedah temu bual semi-berstruktur. Proses analisis dokumen dalam suatu kajian bermula dengan proses menentukan limitasi penyelidikan dan skop bacaan yang boleh memberi penyelesaian kepada permasalahan kajian. Analisis dokumen yang dijalankan dalam kajian ini melibatkan kedua-dua objektif iaitu mengenal pasti keterlibatan kanak-kanak dengan media sosial dan menganalisis konsep *al-wilāyah* oleh ibu bapa dalam mengawal penggunaan media sosial. Kaedah temu bual dalam kajian ini pula merupakan sumber primer untuk melengkapi kedua-dua objektif. Kaedah temu bual dijalankan berbentuk semi-berstruktur dengan menyediakan senarai soalan terlebih dahulu dan disusuli soalan-soalan tambahan bagi memenuhi keperluan objektif. Seterusnya, teknik pemilihan informan yang dilakukan oleh pengkaji adalah dengan menggunakan persampelan bertujuan. Dalam hal ini, temu bual yang dijalankan hanya berfokuskan kepada pakar perundangan kekeluargaan Islam serta pakar media dan komunikasi Islam. Berikut adalah jadual senarai informan yang ditemu bual oleh pengkaji:

Jadual 1 Maklumat Latar Belakang Temu Bual Pakar

No.	Kod Informan	Jawatan	Bidang Kepakaran
1	IK1	Pensyarah universiti	Dakwah dan Komunikasi Islam Semasa
2	IK2	Pensyarah universiti (Profesor)	Undang-undang Keluarga Islam Undang-undang Islam dan Masyarakat ( <i>Human Rights</i> )

## Hasil dan perbincangan

Hasil dapatan yang diperolehi daripada analisis dokumen dan temu bual telah merumuskan dua perkara pokok berkaitan kajian ini. Yang pertama, keterlibatan kanak-kanak dengan media sosial: manfaat dan implikasi media sosial. Manakala yang kedua adalah penyelesaian *al-wilāyah* oleh ibu bapa dalam mengawal penggunaan media sosial kanak-kanak.

### Keterlibatan Kanak-kanak dengan Media Sosial: Manfaat dan Implikasi

#### a. Pembelajaran

Fenomena pandemik Covid-19 meningkatkan kepenggunaan media sosial dalam pendidikan dengan gaya pembelajaran dalam talian, yang mungkin berlanjutan walaupun sekolah dibuka semula (Dario, Robb & Simon 2023). Tambahan pula, golongan kanak-kanak khususnya generasi alpha diakui lebih gemar merujuk internet dan media sosial berbanding menelaah buku (Rusli, Syarif & Nurdin 2020). Statistik menunjukkan dua juta pengguna media sosial di Malaysia adalah kanak-kanak di bawah 18 tahun (Simon Kemp 2023). Hasil analisis transkripsi temu bual menunjukkan IK2 bersetuju bahawa media sosial dapat membantu kanak-kanak dalam menambah ilmu pengetahuan selain daripada institusi sekolah. Hal ini dinyatakan seperti berikut:

“Media sosial ini boleh sebenarnya memberi pengetahuan, maksudnya kita memberi dari segi pendidikan, kita memberi anak-anak itu *independen* untuk mencari *knowledge* kan? Dan saya rasa itu boleh membuatkan pemikiran, *skill* mereka menjadi matang lah.”(IK2)

Dalam kenyataan tersebut, IK2 mengakui bahawa media sosial mampu mengembangkan pengetahuan kanak-kanak dari pelbagai aspek bukan sahaja silibus di sekolah, tetapi juga pengetahuan-pengetahuan am lain seperti kemahiran-kemahiran menguruskan diri dan lain-lain. Namun begitu, penggunaan gajet yang berterusan boleh menjejaskan motivasi kanak-kanak untuk belajar. Motivasi belajar merujuk kepada kecenderungan kanak-kanak terhadap pembelajaran, diiringi dengan perasaan suka dan tingkah laku aktif (Ari et al. 2021).

Informasi dari media sosial sering dianggap lebih menarik dan menguntungkan berbanding pelajaran di sekolah, menyebabkan mereka lebih banyak meluangkan masa dengan media sosial. Penggunaan media sosial yang tidak terkawal juga mengganggu tidur dan rehat mereka, serta mengurangkan semangat dan fokus di sekolah (Joan & Suzyani 2021). Hal ini telah dijelaskan oleh IK1 di dalam temu bual seperti berikut:

“Penggunaan media sosial dalam kalangan kanak-kanak ni ialah penggunaan pada waktu malam, sehingga mereka tak tidur, yang menyebabkan mereka tak sembahyang subuh. Jadi itu isu besar dan itu adalah isu yang utama.”(IK1)

Kenyataan IK1 menunjukkan bahawa pengurusan masa oleh kanak-kanak dalam menyeimbangkan antara keperluan dan keinginan dari aspek penggunaan media sosial adalah kurang memuaskan. Hal ini kerana, mereka seolah-olah terlalu terdorong dengan keinginan menggunakan media sosial sehingga mengabaikan tuntutan yang lain.

## **b. Komunikasi**

Media sosial adalah satu keperluan masyarakat untuk berkomunikasi dan berinteraksi dengan keluarga, teman, dan komuniti lain. Ia terus berkembang dari medium komunikasi menjadi platform yang lebih fleksibel bagi membantu meluaskan rangkaian komuniti dengan perkongsian gambar, video, pandangan dan fakta-fakta seperti perniagaan dalam talian (*online business*), hiburan dan lain-lain (Arnold & Barbara 2023). Beberapa informan kajian menyentuh peranan penting media sosial dalam menghubungkan komunikasi individu dengan masyarakat luar. IK1 berpandangan bahawa:

“Pada asasnya kanak-kanak diberikan ruang dan peluang untuk menggunakan media sosial, kerana media sosial ni menjadi satu alat hiburan, alat untuk mendapatkan pengetahuan, alat untuk mereka aa..berhubung antara satu sama lain.”(IK1)

Manakala IK2 berpandangan:

“Sebab media sosial ni macam-macam kan ada ya, nak bercakap boleh, nak berkomunikasi boleh..”(IK2)

Berdasarkan kenyataan yang telah diutarakan oleh IK1 dan IK2, pengkaji dapat menyimpulkan bahawa media sosial memberi manfaat dalam perhubungan dan komunikasi sesama manusia. Walaubagaimanapun, media sosial juga berpotensi menyumbang impak negatif terutamanya kepada golongan kanak-kanak jika penggunaannya tidak dikawal dengan sepatutnya. Informasi yang tidak jelas dan kurang tepat dapat mempengaruhi pembentukan keperibadian dan pola fikir mereka (Adam et al. 2023). Analisis temu bual yang dilakukan oleh pengkaji mendapati bahawa, semua informan bersetuju bahawa media sosial mampu mempengaruhi sahsiah dan pemikiran kanak-kanak melalui pernyataan berikut:

“Jadi, memanglah penggunaan media sosial ni memang mempengaruhi sahsiah dan pemikiran.”(IK1)

“Memang kalau tanya soalan bagaimanakah media sosial dapat mempengaruhi, memang boleh mempengaruhilah sebab sekarang ini, 24 jam, 24 jam media sosial.”(IK2)

## Makna, Konsep, Fungsi *al-Wilāyah* oleh Ibu Bapa dalam Mengawal Penggunaan Media Sosial Kanak-kanak

*al-Wilāyah* merupakan konsep kekeluargaan Islam yang berkaitan dengan kepimpinan dan hak penguasaan ibu bapa atau wali terhadap anak-anak. Konsep ini mementingkan penjagaan kemaslahatan dan kebajikan seorang anak dalam pelbagai aspek sejak daripada kelahiran hinggalah mencapai umur dewasa di bawah tanggungjawab orang tua atau wali (Zanariah 2012). Pengkaji mendapati bahawa makna *al-wilāyah* dan pengaplikasian dalam konteks media sosial secara umumnya adalah selari dengan pandangan IK1 dan IK2. IK1 menyatakan bahawa: “*Al-wilāyah* ni maksudnya kawalan ibu bapa terhadap aa..penggunaan media sosial kanak-kanak. *Wilāyah* di sini ialah, wali. Wali di sini maksudnya penjaga. Jadi ibu bapak merupakan penjaga yang bertanggungjawab mendidik dan membesarkan anak-anak dengan cara yang betul, kan.”(IK1)

IK2 pula berpendapat bahawa:

“Orang yang mengawal, memantau penggunaan media sosial untuk kanak-kanak.”  
(IK2)

*Al-wilāyah* merupakan bahagian khusus dalam ruang lingkup kekeluargaan yang membahas hak dan kewajiban ibu bapa serta wali dalam memimpin dan mengasuh anak-anak. Oleh itu, kajian ini mengkhususkan konteks *al-wilāyah* dalam mengawal penggunaan media sosial dalam kalangan kanak-kanak. Kepentingan *al-wilāyah* telah disebut secara umum di dalam surah at-Tawbah:

وَالْمُؤْمِنُونَ وَالْمُؤْمِنَاتُ بَعْضُهُمْ أَوْلِيَاءُ بَعْضٍ يَأْمُرُونَ بِالْمَعْرُوفِ وَيَنْهَوْنَ عَنِ الْمُنْكَرِ وَيُقِيمُونَ الصَّلَاةَ وَيُؤْتُونَ الزَّكَاةَ وَيُطِيعُونَ اللَّهَ وَرَسُولَهُ أُولَئِكَ سَيَرْحَمُهُمُ اللَّهُ إِنَّ اللَّهَ عَزِيزٌ حَكِيمٌ ٧١

Maksudnya: “Dan orang-orang yang beriman, lelaki dan perempuan, setengahnya menjadi wali (penolong) bagi setengahnya yang lain; mereka menyuruh berbuat kebaikan, dan melarang daripada berbuat kejahatan; dan mereka mendirikan sembahyang dan memberi zakat, serta taat kepada Allah dan RasulNya. Mereka itu akan diberi rahmat oleh Allah; sesungguhnya Allah Maha Kuasa, lagi Maha Bijaksana.” (at-Tawbah: 71)

Berdasarkan ayat tersebut, Allah SWT membicarakan tentang hak saudara Muslim ke atas saudara Muslim yang lain dengan cara tolong menolong, mengajak kepada kebaikan, mencegah kepada kemungkaran, dan saling mentaati perintah Allah SWT. Golongan seperti ini akan beroleh rahmat dan kasih sayang daripada Allah SWT yang berkuasa mengatur alam semesta.

Konsep *al-wilāyah* dalam Islam menjelaskan hak dan kewajiban ibu bapa atau wali terhadap anak-anak mereka, baik dari sudut jasmani mahupun rohani. Hak-hak perwalian terhadap anak-anak termasuklah memelihara, mengurus, melindungi, menjamin kesihatan,

mendidik, dan membahagiakan anak-anak. Kenyataan ini selari dengan IK2 yang berpandangan bahawa:

“Memang ibu bapa fungsinya sangat besar, besar untuk memantau anak-anak ini, kalau tidak ada ibu bapa tidak bermaksud, mereka itu terbiar. Kita kena ada orang tua, sesuatu, ataupun institusi organisasi yang akan memantau anak-anak ini, kita tak nak mereka tu terbiar hanyut aa..maksudnya kena *check* dari segi kesihatan, pembelajaran, pemakanan, *socialize*, maksudnya *wilāyah* ini, bukannya anak saya bin binti saya, no..dia sangat besar.” (IK2)

Tambahan pula, Islam sangat menekankan pentingnya pemeliharaan manusia sejak dari pemilihan pasangan hidup, hingga perlaksanaan hak anak-anak selepas daripada proses perceraian (hadanah) (Abdul Rashid 2023). Dengan demikian, konsep *al-Wilāyah* menekankan tanggung jawab orang tua atau wali dalam menjaga kemaslahatan dan kebajikan anak-anak mereka secara menyeluruh, meliputi aspek fizikal, mental, spiritual dan emosional sejak lahir hingga dewasa.

## Penyelesaian *al-wilāyah* Oleh Ibu Bapa dalam Mengawal Penggunaan Media Sosial Kanak-kanak

### a. Ilmu pengetahuan ibu bapa

Ibu bapa memikul tanggungjawab besar dalam membentuk sahsiah dan pemikiran anak-anak. Setiap tindakan dan keputusan mereka memberikan impak yang mendalam terhadap cara anak-anak berfikir, seterusnya membentuk tabiat dan jati diri mereka. Dalam konteks ini, ilmu pengetahuan oleh ibu bapa sangat penting dalam mengaplikasikan konsep sebenar *al-wilāyah* terutamanya dalam konteks pengawalan media sosial kanak-kanak. Perkara ini telah dijelaskan oleh IK2 di dalam pernyataan beliau:

“Kena canggih juga dari segi *knowledge*, kalau mereka itu, dia kata macam dulu-dulu, tidak ada menambah ilmu, kita bimbanglah fungsi *wilāyah* tu dia tak teraplikasi, ataupun tak kemaslah macam tulah.. kemaslah itu kan, jadi itulah cabarannya kita nak tak nak, macam tulah, kita kena hadapi lah.” (IK2)

Dalam kenyataan tersebut, IK2 memberikan justifikasi bahawa para ibu bapa dituntut untuk mendalami selok-belok penggunaan media sosial bagi menjamin keterlibatan kanak-kanak dengan aplikasi-aplikasi di dalamnya. Hal ini disebabkan kerana, ilmu pengetahuan para ibu bapa yang terbatas akan menjejaskan fungsi sebenar *al-wilāyah*. Dalam pada itu, pengetahuan ibu bapa dari segi kesan penggunaan media sosial secara mental dan fizikal juga perlu diutamakan. Kenyataan IK2 berkenaan perihal tersebut adalah seperti berikut:

“Jadi maksudnya, ibu bapa itu pun kena ada *knowledge*. Contohnya matahari pagi, petang. So, itu kita bawak anak-anak kita keluar. Mungkin tengahari, at



*least* Sabtu Ahad, makan kan. Panas? Main kat dalam rumahlah. Tapi kalau pagi tu, kenapa nak bermain dalam rumah? Sebabnya matahari pagi dan matahari petang ini adalah kurniaan Allah yang murah, *takda* mahal-mahal, yang percuma, yang mana ada banyak vitamin dan mineral. Jadi itu yang saya kata maksudnya *knowledge* kena apa ni.. luas.”(IK2)

Kesimpulannya, ilmu pengetahuan dalam kalangan ibu bapa untuk memastikan penggunaan media sosial kanak-kanak sangat penting dalam aspek *al-wilāyah* demi pembangunan sahsiah dan pemikiran mereka. Pengetahuan yang luas dan tepat mengenai aspek ini memberi peluang kepada ibu bapa untuk membuat keputusan yang lebih baik untuk kesejahteraan anak-anak mereka.

#### **b. Komunikasi dua hala dengan anak-anak**

Analisis temu bual yang dilakukan oleh pengkaji mendapati bahawa, terdapat dua unsur penting melibatkan komunikasi dua hala antara ibu bapa dan anak-anak. Yang pertama adalah dari segi penjelasan atas sesuatu perkara yang disuruh, sama ada berbentuk perintah mahupun larangan. Kenyataan ini adalah bertepatan dengan pandangan IK2 yang memberikan rasional kenapa setiap suruhan perlu wujud penerangan yang jelas. Berikut merupakan transkripsi temu bual IK2:

“Dari segi kanak-kanak sekarang ni dia tak nak kata.. bila kata bapak: tak boleh, tak boleh. Dia tak nak macam tu, dia kena ada *explanation*. Sebabnya dia mungkin dia di sekolah kan, di sekolah penuh dengan *explanation*, jadi kalau di rumah, kalau bapak tu kata atau ibu kata kalau abah kata tak boleh, tak bolehlah. Jadi tak faham, maksudnya pemikirannya tertutup, tak boleh tak bolehlah. Tapi dia nak *explanation*..”

Dalam pernyataan lain, beliau menegaskan:

“Peranan *wilāyah* ini, kena daripada, pada yang teknikal, dan juga daripada didikan dan didikan itu dari segi syura, dari segi komunikasi, dari segi menyebut, kalau kita tak nak, kenapa kita tak nak. Kita tak suka, apa kita tak suka. Kita kata apa ni.. filem ini tak baik, kerana apa kata tak baik.”(IK2)

Daripada kenyataan IK2 ini menunjukkan bahawa, informan menekankan konsep penjelasan dalam setiap arahan kepada kanak-kanak, khususnya dalam mengawal penggunaan media sosial. Dalam erti kata lain, mereka (kanak-kanak) lebih suka mengetahui sebab atas setiap perkara yang diarahkan, berbanding dengan perbuatan yang hanya dilakukan secara membuta tuli. IK2 juga menyandarkan perkara ini dengan metode syariat agama yang mementingkan pentafsiran dalam setiap suruhan yang digariskan di dalam al-Quran dan hadis. Beliau menjelaskan:

“Kalau kita dari segi pengajian Islam kita, apa ni, Allah dan perintahkan kita berpuasa, contohnya apa ni, kalau kita kajilah, apa ni berdasarkan kepada hadis-hadis dan juga ada penerangan-penerangan dari segi kajian-kajian kenapa berpuasa, ada *explanation* nya, ada *asbābul wurūd* dia, sebab-sebab penurunan dia, sebab-sebab kenapa hadis ini dinyatakan, jadi saya rasa ada *explanation*. *Even* dalam al-Quran tu pun, ada apa ni kenapa Allah turunkan nabi-nabi untuk tujuan untuk, *قل هو الله أحد* tujuan untuk, menyembah Allah yang satu yang se. Jadi apa ni maksudnya, peranan nabi-nabi rasul ni diturunkan adalah untuk membawa.. itu *explanation* nya ni. Untuk menyeru umatnya supaya menyembah Allah yang satu.”(IK2)

Selain itu, unsur penting yang perlu diterapkan dalam komunikasi dua hala antara ibu bapa dan anak-anak adalah nasihat dan teguran. Ini dibuktikan melalui transkripsi temu bual IK1, yang mengemukakan pendekatan unik dalam menghadapi krisis komunikasi dengan anak-anak. Beliau menjelaskan:

“Secara fizikal ni.. saya *ambik*, maknanya dia boleh paksa lah. Tapi kalau dah besar, kawalannya bukan secara fizikal, tapi secara mentallah. Secara panduan, diberikan ingatan, nasihat.”

IK1 turut menjelaskan:

“Pada waktu tu itulah waktu untuk berinteraksi dengan minda mereka, dengan mereka ada yang memberontak, ada yang marah, ada yang begitu, ada yang begini, peraturan, ada yang diberi.. kita beri sikit kebebasan, sikit pujian, ada yang diberi kelonggaran, ada yang ketat, begitulah proses tu.”(IK1)

Dalam pernyataan tersebut, IK1 mengaitkan konsekuensi yang berlaku dalam proses pengawalan media sosial kanak-kanak oleh ibu bapa. Hal ini kerana, tidak semua perkara yang disampaikan, dapat diterima dengan baik oleh kanak-kanak. Kesimpulannya, penjelasan yang dapat difahami dan nasihat yang berhikmah merupakan perkara penting dalam proses komunikasi dua hala oleh ibu bapa dalam pengawalan media sosial anak-anak menurut konsep *al-wilāyah* yang sebenar.

### c. Pemantauan ibu bapa

Berdasarkan analisis temu bual yang dilakukan, pengkaji mendapati bahawa majoriti informan kajian memberikan respons yang hampir sama dalam konteks pengawalan media sosial kanak-kanak iaitu dengan cara pemantauan ibu bapa. Kenyataan informan berkaitan perkara ini adalah seperti berikut:

“Jadi pemantauan media sosial pada masa kini, jadi.. memang mak bapak memang perlulah mengawal berdasarkan kepada tahap umur kanak-kanak

tadilah. Kalau budak-budak, boleh *diambik*, rampas. Bila dah 15 tahun, susahlah kan.”

Berdasarkan kepada pandangan yang dikemukakan oleh IK1, pemantauan media sosial dan penggunaan gajet mengikut had umur kanak-kanak perlu dititikberatkan oleh ibu bapa. Dapatan temu bual ini didapati bertepatan dengan apa yang dikemukakan oleh Arcadius dan Petrus (2023), yang menyatakan bahawa pemikiran dan tingkah laku kanak-kanak sentiasa berubah-ubah dan berkembang mengikut tahap umur. Dalam hal ini, IK2 juga menegaskan dengan panjang lebar bahawa:

“Yang pentingnya ada orang tua yang boleh memantau, jadi maksudnya *wilāyah* ini kalau dalam konteks kekeluargaan Islam itu, fungsinya tu sangat besar lah memantau, sebab tu daripada soalan satu memang dari seorang satu yang kat atas, memang saya dah cakap, ibu bapa yang.. apa ni saya tegaskan, memang ibu bapa fungsinya sangat besar, besar untuk memantau anak-anak ini, kalau tidak ada ibu bapa tidak bermaksud, bermaksud, mereka tu terbiar.”

“Kalau kita dalam Islam tu, bersederhana lah. Maksudnya jangan bebas-bebas sangat.. dan jangan legit-legit sangatlah. Jadi *waṣāṭiyyah* lah” (IK2)

Menurut pandangan IK2, beliau mengaitkan pemantauan media sosial dengan fungsi *al-wilāyah* seperti yang dianjurkan dalam Islam iaitu dengan cara bersederhana dalam mengawasi penggunaan media sosial tanpa menyakiti kanak-kanak tersebut. Oleh itu, jelaslah bahawa pemantauan media sosial kanak-kanak mengikut tahap umur oleh ibu bapa merupakan bahagian penting dalam konteks pengaplikasian *al-wilāyah* pada zaman ini.

#### **d. Literasi media oleh ibu bapa menurut perspektif syarak**

Literasi media sosial menurut perspektif syarak merujuk kepada keupayaan untuk memahami, menganalisis dan memanfaatkan media sosial selaras dengan konsep agama. Hal ini penting dalam memastikan pemantauan terhadap penggunaan media sosial terhadap kanak-kanak mengenai unsur-unsur negatif yang dapat memberi kesan terhadap sahsiah, pemikiran dan kesejahteraan maqasid syariah mereka.

Dalam konteks ini, para sarjana berpandangan bahawa literasi media amat penting untuk diaplikasikan dalam konsep kekeluargaan bagi memastikan penggunaan media sosial dalam kalangan anak-anak terhindar daripada pemahaman yang merosakkan kesejahteraan maqasid syariah (Syukri, Yulita & Abid 2023). IK2 mengulas dengan panjang lebar berkaitan perkara ini dalam kenyataan beliau:

“Jadi saya rasalah kan, biarlah dia habis sekolah dululah, sebabnya kita nak fokuskan kepada, apa ni sekolah *rather than*, dia sibuk dengan nak menjawab apa-apa saja apa.. kalau nak cari ilmu, lain. Nak cari ilmu, okey tak ada masalah kan, kalau media sosial ini, dia sibuk pula nak masuk *group sana group sendiri*

kan, tapi kalau dia masuk *group*nya dengan ibu bapanya, *group* sekolah, tapi dengan ibu bapa dia, saya rasa memang itu digalakkan lah.”

“Saya rasa apa ni kanak-kanak itu kan, sebabnya mereka itu masih di tahap pembelajaran lagi. Jadi, kita kena pastikan mereka itu fokus kepada belajarlah, belajar. Maksudnya tidaklah dia nak *register* atas nama dia tapi dia penggunaan internet itu, dia boleh digunakan, untuk tujuan pelajaran.”(IK2)

Menurut kenyataan IK2, keterlibatan ibu bapa dalam komunikasi sosial anak-anak penting bagi menjamin kesejahteraan diri mereka khususnya dalam konteks pemantauan dan bimbingan, berlandaskan dengan ciri-ciri agama yang betul. Justeru itu, kerjasama antara ibu dan bapa dalam menentukan disiplin penggunaan media sosial sangat penting bagi menjamin keselarasan waktu dan penggunaan media sosial dalam kalangan kanak-kanak. Kesimpulannya, pengaplikasian *al-wilāyah* yang sempurna dapat dilihat daripada pengetahuan ibu bapa terhadap disiplin dan literasi media sosial bagi menjamin keselarasan waktu dan penerapan kandungan yang sesuai kepada kanak-kanak.

## Kesimpulan

Secara keseluruhan, kajian menunjukkan bahawa pengendalian ibu bapa dalam menghadapi gelombang globalisasi dan modenisasi menurut cara yang dituntut oleh agama Islam sangat penting bagi menjamin generasi yang patuh dan taat kepada perintah Allah SWT. Hal ini kerana, banyak kes-kes dan isu yang timbul kesan daripada pendedahan media sosial yang tidak terkawal dalam kalangan kanak-kanak. Kesan negatif yang signifikan seperti perubahan gaya hidup yang kurang aktif, kemerosotan prestasi pembelajaran dan juga kesihatan telah membimbangkan masyarakat. Oleh itu, pentingnya konsep *al-wilāyah* dalam kekeluargaan Islam untuk mendepani cabaran ini. Kajian ini telah merungkai secara terperinci metode yang berkesan dalam menangani implikasi media sosial terhadap golongan kanak-kanak menggunakan konsep *al-wilāyah* iaitu dengan ilmu pengetahuan ibu bapa, komunikasi dua hala dengan anak-anak, pemantauan dan literasi media oleh ibu bapa. Kajian ini diharapkan dapat memberi satu pencerahan daripada perspektif Islam dengan mengutamakan peranan *al-wilāyah* sebagai panduan kepada masyarakat khususnya kepada para ibu bapa dalam membimbing anak-anak.

## Rujukan

Abbas, J., Aman, J., Nurunnabi, M., & Bano, S. (2019). The impact of social media on learning behaviour for sustainable education: Evidence of students from selected universities in Pakistan. *Sustainability*, 11(6), 1683, 1-23.

- Abdullah, M. A., bin Ibrahim, M. L., bin Abdul Ghani, M. A., Nasir, K., & bin Abdul Halim, A. Pergaulan Maya Dalam Media Sosial: Diskusi Terhadap Khalwat Maya Dengan Perempuan Ajnabiyah. Mohd Fadhil Aziz & Mardzelah Makhsin. 2021. Pengaruh Media Sosial Terhadap Penampilan Akhlak. *International Journal of Education, Psychology and Counselling (IJEPC)*, 6(42): 74-82.
- Arnold Pabian & Barbara Pabian. 2023. Role of Social Media in Managing Knowledge of the Young Generation in the Sustainability Area. *Sustainability* 15(6008), 83-105.
- Aziz, A. R. A. (2023). Penerokaan Nilai Agama Berasaskan Maqasid Syariah dalam Meningkatkan Kebahagiaan Keluarga. *Malaysian Journal of Social Sciences and Humanities (MJSSH)*, 8(1), 1-24.
- Aziz, A. R. A., Kasmani, M. F., & Ab Razak, N. H. (2021). Implikasi ketagihan media sosial terhadap kesihatan mental remaja semasa pandemik COVID-19. *e-Bangi*, 18(8), 66-81.
- Barekar, A. N., & Mahale, H. S. (2019). Electronic slaves (e-slaves): an empirical study on gadget users (youth) in maharashtra state. *Sumedha Journal of Management*, 8(3), 559-566.
- Benawa, A., & Witono, P. H. (2023). The Powerful Effect of Social Media and The Mental toughness on Achievement Motivation of the Students by Blended Learning in the Digital Era. In *E3S Web of Conferences* (Vol. 426, p. 02014). EDP Sciences.
- Danil, J., & Mohamed, S. (2021). Perubahan tingkah laku kanak-kanak disebabkan penggunaan gajet. *Jurnal Dunia Pendidikan*, 3(2), 200-209.
- Daud, H. M., Yussuf, A., & Kadir, F. A. A. (2020). Pembentukan Akhlak dan Sahsiah Pelajar Melalui Pembelajaran Sosial menurut Perspektif Islam. *e-BANGI Journal*, 17(9), 75-89.
- Dos Reis, T. A. (2018). Study on the alpha generation and the reflections of its behaviour in the organizational environment. *Journal of research in humanities and social science*, 6(1), 9-19.
- Enders, A. M., Uscinski, J. E., Seelig, M. I., Klofstad, C. A., Wuchty, S., Funchion, J. R., ... & Stoler, J. (2021). The relationship between social media use and beliefs in conspiracy theories and misinformation. *Political behaviour*, 1-24.
- Esteban Ortiz-Ospina. 2019. The Rise of Social Media. Our World in Data. <https://ourworldindata.org/rise-of-social-media>
- Giancola, D., Travers, R., & Coulombe, S. (2023). Scrolling Through the COVID-19 Pandemic: Exploring the Perceived Effects of Increased Social Media Use on the Mental Health of Undergraduate University Students. *Social media+ society*, 9(2), 1-15.
- Hamdan, A., Salleh, N., & Jasmi, K. A. (2021). Pergaulan Bebas Dalam media sosial: Ancaman dan Penyelesaiannya. In *Prosiding Seminar Falsafah Sains Dan Ketamadunan* (Vol. 3, No. 1, pp. 129-139).
- Hashim, N., & Razali, A. (2019). Teknologi dan media sosial dalam komunikasi ibubapa dan anak-anak. *Jurnal Komunikasi: Malaysian Journal of Communication*, 35(4), 337-352.
- Rusli, Muhammad Syarif Hasyim & Nurdin. 2020. A New Islamic Knowledge Production And Fatwa Rulings: How Indonesia's Young Muslim Scholars Interact With Online Sources. *Journal of Indonesian Islam*, 14(2): 499-518.

- Ibrahim, H., Mustapha, M., Sawai, J. P., Nawi, N. H. M., & Ahmad, P. H. M. (2018). Peranan dan tanggungjawab ibu bapa dalam pengasuhan anak dan remaja. *Asian Social Work Journal*, 3(5), 18-24.
- Ibrahim, S. Z., Abd Razak, S. R., Mohamad, N., & Rosman, S. Z. (2021). Amalan Gaya Hidup Sihat Ketika Pandemik Covid-19 Memenuhi Tuntutan Maqasid Al-Syariah [Healthy Lifestyle Practices During Pandemic Covid-19 Meet The Demands of Maqasid Al-Syariah]. *Asian Journal of Civilizational Studies (AJOCS)*, 3(3), 1-15. Suratman Hamid. 2022. Perbandingan Pola asuh Anak Usia Dini Antara Al-Gazali Dengan Nasihulwan. *Jurnal Ilmiah Mandala Education (JIME)*, 8(4): 2680-2691.
- Marlina, M. (2018). Pengaruh media sosial terhadap intensitas hubungan komunikasi orang tua dan anak usia dini. *Komunikasiana: Journal of Communication Studies*, 1(1), 38-47.
- Murtadha Muthahhari. 2016. Wilayah Konsep Kepemimpinan Dalam Islam (Konsep Kepemimpinan dalam Islam). <http://id.al-shia.org/page.php?id=616>.
- Purnama, S. (2018). Pengasuhan digital untuk anak generasi alpha. *Al Hikmah Proceedings on Islamic Early Childhood Education*, 1, 493-502.
- Saâ, C. Z., Muhsin, S. B. S., Ahmad, S. S., & Abd Latif, F. (2019). Model pendidikan keibubapaan abduallah nasih ulwan (MPIU) dalam menangani isu remaja lari dari rumah. *Jurnal Usuluddin*, 47, 73-103.
- Saifollah, S. N. (2023). Neglect Of Children's Rights Amid The Covid-19 Pandemic: Pengabaian Hak Kanak-Kanak Semasa Pandemik Covid-19. *al-Qanatir: International Journal of Islamic Studies*, 31(2), 89-100.
- Sari, A. C., Hartina, R., Awalia, R., Irianti, H., & Ainun, N. (2018). Komunikasi dan media sosial. *Jurnal The Messenger*, 3(2), 69-77.
- Setiyanto, A., Subandi, S., Setiawan, A., & Fadillah, M. K. (2021). The Problems of Islamic Education Learning at Islamic Vocational High School Raden Fatah Tugumulyo, South Sumatra. *Bulletin of Pedagogical Research*, 1(1), 83-105.
- Shaari, A. H., & Kamaluddin, M. R. (2019). Buli Siber: Ketidaksantunan Bahasa dan Etika Media Sosial dalam Kalangan Remaja Malaysia. *e-Bangi Journal*, 16(6), 1-16.
- Shehu, M. I., Othman, M. F. B., & Osman, N. B. (2017). The social media and Islam. *Sahel Analyst: Journal of Management Sciences*, 15(4), 67-80.
- Simon Kemp. 2023. Digital 2023: Malaysia. Data Reportal-Global Digital Insights. <https://datareportal.com/reports/digital-2023-malaysia>
- Solahudin, D., & Fakhruroji, M. (2019). Internet and Islamic learning practices in Indonesia: Social media, religious populism, and religious authority. *Religions*, 11(1), 1-12.
- Sukri, N., M., Hairudin, H. & Pajar, N., M., H. 2018. Pengaruh Kecanggihan Teknologi Dan Kelalaian Ibu Bapa Terhadap Ketagihan Gajet Di Kalangan Kanak-Kanak. *Prosiding UICW6023 Seminar*, hlm. 42-63.
- Syukri, M., Putri, Y. & Nurhuda, A. 2023. The Role of Digital Literacy in Learning Media According to Islam. *KASTA: Jurnal Ilmu Sosial, Agama, Budaya, dan Terapan*, 3(1): 33-46.
- Zanariah Noor. 2012. Isu-Isu Berbangkit Dari Hak Hadanah dan Hak Perwalian Anak. *Jurnal Syariah* 20(1): 123-144.

Zubaidah, Z., Rahmayanty, D., Finanjani, S., Setiawati, Y. & Aryanto, R. 2024. Concept of Parenting in the Digital Era. *International Research-Based Education Journal (IRBEJ)*, 6(1): 110-115.